



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2019

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/009/19	Kerja-Kerja Menaiktaraf Aras Tanah Dan Aras Satu Menara Zakat Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 221401 – Bangunan / Hiasan Dalam (tidak termasuk pelaksanaan dan seni taman)	RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 29 Mei 2019 (Rabu)	29 Mei 2019 (Rabu) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat (diwajibkan hadir)	11 Jun 2019 (Selasa) 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.00 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.00 tengahari & 2.00 petang – 3.00 petang
	Tarikh Mula Dijual: 29 Mei 2019 (Rabu)

- i. Semua kontraktor **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada 29 Mei 2019 (Rabu) bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada jam 10.00 pagi.
- ii. Kontraktor dikehendaki membawa **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya berserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa taklimat tersebut. Hanya **pemilik/penama** di dalam KKM sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat. Wakil selain **pemilik/penama** di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- iv. Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada kontraktor yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- v. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di Kaunter Aras 8, Menara Zakat dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- vi. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman **<http://www.zakatkedah.com.my>**
- vii. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- viii. Kontraktor yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut: